

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1992/93

April 1993

**YKT 301/4 - Komunikasi, Kelas dan Konflik**

Masa: 3 jam

---

Jawab **SATU (1)** soalan dari Bahagian A dan **DUA (2)** soalan dari Bahagian B.

**Bahagian A**

1. Apakah tanggapan pemikir liberal dan liberal demokrat tentang peranan negara secara amnya dan kuasa yang ada pada individu? Nilaikan tanggapan mereka ini dalam konteks masyarakat Malaysia masakini.

(40 markah)

2. Bincangkan dakwaan bahawa negara bukannya semata-mata ditentukan oleh kuasa kelas (Poulantzas) tetapi sebenarnya terlibat secara kompleks dalam kontradiksi kapitalisme (Offe).

(40 markah)

3. Apakah yang dimaksudkan oleh Gramsci dengan "krisis hegemoni"? Nilaikan peranan media dalam proses mengatasi krisis tersebut dengan menyediakan dua contoh yang jelas.

(40 markah)

**Bahagian B**

4. Dalam satu masyarakat yang sedang membangun, media massa seharusnya bekerjasama dengan pihak pemerintah demi kepentingan dan kemajuan rakyat. Nilaikan kenyataan ini berdasarkan definisi-definisi peranan negara yang sedia ada dan juga contoh-contoh yang meyakinkan.

(30 markah)

5. Sejauh manakah boleh disamakan lafazan pemberontakan golongan-golongan budaya kecil ("subcultural groups") Barat dengan kegiatan golongan muda-mudi tempatan?

(30 markah)

6. Nilaikan dakwaan bahawa satu sistem politik bercorak authoritarianisme seharusnya disokong dan dimajukan oleh media massa sesebuah masyarakat untuk pembangunan masyarakat tersebut.

(30 markah)

7. Apakah yang dimaksudkan oleh Traber dan Davis (1991) dengan "ethics of war reporting"? Sejauh manakah soalan-soalan etika tersebut telah ditentukan oleh pihak bukan wartawan semasa Perang Teluk? Apakah implikasinya?

(30 markah)

8. Luas atau kecil ruang autonomi yang ada dalam sesuatu masyarakat di sesuatu ketika terpulang kepada tahap kesedaran rakyat. Bincangkan andaian ini berasaskan tulisan Hall tentang "autonomi relatif" dan pemikiran Gramsci tentang "kesedaran" rakyat dan peranan golongan intelektual.

(30 markah)

9. Sistem media yang lebih demokratik tidak akan wujud selagi corak pemilikan dan penguasaan dalam sesuatu masyarakat tidak berubah. Bincangkan pendapat ini.

(30 markah)

-0000000